

RM70 juta bangun Ipoh Sentral

IPOH - Dalam usaha meningkatkan keselesaan penumpang dan mutu perkhidmatan pengangkutan awam di negeri ini, kerajaan negeri Perak bakal membina sebuah hab pengangkutan awam bersepadu di tengah-tengah bandar raya ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir berkata, projek terminal pengangkutan awam bersepadu yang akan dikenali sebagai Ipoh Sentral itu

dijangka melibatkan kos sebanyak RM70 juta menerusi Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10).

Menurutnya, pembinaan terminal itu akan melibatkan kerja-kerja menaiktaraf kawasan berhampiran Stesen Keretapi Tanah Melayu Bhd. (KTMB) dan terminal bas lama Medan Kidd yang terletak di pusat bandar raya tersebut.

"Kerajaan negeri telah me-

ngemukakan cadangan serta memohon peruntukan Kerajaan Pusat melalui Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri untuk mendapatkan kelulusan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis penyerahan surat tawaran kelulusan lesen kenderaan perdagangan bagi negeri Perak kepada 261 pemandu kereta sewa dan pengusaha bas sekolah di

sini semalam.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP), Datuk Halimah Mohamed Sadique.

Jelasnya, projek terminal pengangkutan awam bersepadu itu akan menghubungkan semua pengangkutan awam di bandar raya ini kepada rangkaian perkhidmatan kereta api, bas dan teksi.



ZAMBRY (tengah, berdiri) dan Halimah (berdiri tiga dari kanan) bersama sebahagian daripada penerima lesen kenderaan perdagangan di Ipoh semalam.